KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT AND COOPERATIVES

PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
SIJIL TARAF BUMIPUTERA
KONTRAKTOR KERJA

Adalah dengan ini syarikat tuan seperti tercatit di dalam Sijil ini diiktiraf sebagai kontraktor kerja bertaraf Bumiputera. Pemberian pengiktirafan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat termaktub di belakang sijil.

NO. SIJIL PENDAFTARAN	GRED PENDAFTARAN	KATEGORI	TEMPOH SAH LAKU
0120250826-SL160105	**G3**	**B**	**DARI : 07/12/2025**
	G3	**CE**	**HINGGA : 26/08/2027**

NAMA DAN ALAMAT BERDAFTAR

AL QUDRAT INTEGRATED WORKS SDN. BHD.
NO. 45-1, JALAN KAJANG PERDANA 3/2, TAMAN KAJANG PERDANA,
43000 KAJANG
SELANGOR
Hulu Langat

PEGAWAI SYARIKAT YANG DITAULIAHKAN — NO. K/P

AZRUL BIN ABD SOKOR

Pengarah
Pusat Khidmat Kontraktor
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

Tarikh: 07/12/2025

SYARAT-SYARAT PENGIKTIRAFAN TARAF BUMIPUTERA PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR (PKK)

1. SYARAT-SYARAT AM

1.1 Pemberian Sijil Taraf Bumiputera oleh PKK ini dikeluarkan setelah syarikat berjaya memperbaharui Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Perakuan Pendaftaran (PPK) di Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB);

1.2 Pemberian Taraf Bumiputera ini tertakluk kepada maklumat-maklumat yang telah dikemukakan oleh syarikat;

1.3 Syarikat WAJIB mengemukakan perubahan maklumat kepada PKK dengan serta-merta setelah membuat perubahan maklumat di CIDB tertakluk kepada kaedah dan medium yang digunakan oleh PKK dari semasa ke semasa;

1.4 Syarikat dinasihatkan untuk melengkapkan dokumen berkaitan pembaharuan/permohonan baru/rayuan dalam tempoh masa yang ditetapkan merujuk kepada surat kuiri yang dihantar kepada syarikat;

2. SYARAT-SYARAT MUTLAK

2.1 Syarikat hendaklah sentiasa menjamin pada setiap masa memenuhi syarat-syarat pengiktirafan Taraf Bumiputera seperti berikut:-

- 2.1.1 Sekurang-kurangnya 51% daripada pemilikan saham syarikat dimiliki oleh Bumiputera (G2-G7) manakala 100% (G1);
- 2.1.2 Pemilikan saham dan bilangan individu Bumiputera hendaklah melebihi individu bukan Bumiputera;
- 2.1.3 Sekurang-kurangnya 51% daripada Ahli Lembaga Pengarah syarikat dipegang oleh Bumiputera (G2-G7) manakala 100% (G1);
- 2.1.4 Jawatan Ketua Eksekutif, Pengarah Urusan atau Pengurus Besar dan jawatan penting lain (keypost) hendaklah dipegang oleh Bumiputera;
- 2.1.5 Sekurang-kurangnya 51% daripada pekerja syarikat hendaklah terdiri dari Bumiputera (G2-G7) manakala 100% (G1);
- 2.1.6 Pengurusan kewangan hendaklah dikuasai oleh Bumiputera;
- 2.1.7 Carta organisasi dan fungsi pengurusan syarikat hendaklah menunjukkan penguasaan oleh Bumiputera;
- 2.1.8 Menjamin penyertaan kaum Bumiputera merupakan perkongsian aktif dan memainkan peranan utama dalam urus niaga syarikat seperti digambarkan di sub 2.1.1. hingga 2.1.7.

3. PERINGATAN

3.1 PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR berhak membatal, menarik balik atau menggantung Sijil Taraf Bumiputera syarikat jika didapati:-

- 3.1.1 Maklumat yang dikemukakan tidak benar atau palsu;
- 3.1.2 Syarikat enggan dan gagal mengemukakan maklumat apabila diminta;
- 3.1.3 Syarikat wajib mematuhi syarat-syarat kelulusan yang telah diberikan dalam tempoh yang ditetapkan seperti hadir kursus anjuran PKK atau sesi lawatan premis;
- 3.1.4 Melanggar mana-mana syarat-syarat am/mutlak yang dikeluarkan oleh PKK dan tertakluk kepada keputusan Pengarah PKK dari masa ke semasa;